

Newspaper	Berita Harian
Date	7 October 2015

Najib kemuka surat tuntutan kepada Liong Sik

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengemukakan surat tuntutan kepada bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik berhubung penerbitan artikel yang didakwa memfitnah beliau menyalahgunakan dana kerajaan.

Najib mengemukakan surat tuntutan itu melalui peguamnya, Datuk Mohd Hafarizam Harun daripada firma guaman Hafarizam Wan & Aisha Mubarak, kelmarin.

Mohd Hafarizam ketika dihubungi berkata, Liong Sik dan isterinya mengesahkan menerima surat tuntutan itu yang diserahkan melalui serahan tangan ke rumah mereka di Bukit Damansara, semalam.

Mengikuti surat tuntutan itu, Najib atas kapasiti peribadi mengarahkan peguamnya mengambil tindakan dengan menuntut penarikan balik, permohonan maaf tanpa syarat dan ganti rugi munasabah berhubung perkataan fitnah dalam artikel diterbitkan portal *Malay Mail Online* bertajuk 'MCA's Liong Sik Joins Call For Najib's Ouster For Allegedly Putting People's Money In His Own Pocket'.

Artikel itu diterbitkan pada 3 Oktober lalu.

Surat itu menyatakan perkataan fitnah dalam artikel berkenaan membawa maksud antaranya Najib menyalahgunakan wang milik dana pelaburan

kerajaan ke dalam akaunnya bagi kepentingan peribadi dan menyalahgunakan kepercayaan rakyat dengan menggunakan kedudukan sebagai pengerasi syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Jejas reputasi

"Arahan anak guam kami ialah kenyataan fitnah itu dengan teruknya menjejaskan reputasi beliau dan merendahkan dirinya di kalangan masyarakat yang membawa beliau kepada skandal awam dan penghinaan," menurut surat tuntutan itu.

Sehubungan itu, peguam Najib diarahkan membuat tuntutan kepada Liong Sik da-

lam masa tujuh hari untuk berhenti daripada terus mengeluarkan kenyataan fitnah yang sama dan mengeluarkan permohonan maaf bertulis tanpa syarat serta penarikan balik kenyataan fitnah berkenaan mengikut terma yang ditetapkan peguam.

Liong Sik juga diarahkan menerbitkan permohonan maaf dan penarikan balik artikel serta akujanji untuk tidak mengeluarkan kenyataan fitnah selanjutnya.

Jika gagal mendapat maklum balas yang memuaskan berhubung perkara itu, Najib akan mengarahkan peguamnya untuk mengambil tindakan undang-undang.